Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 16/11/2019 | MUKA SURAT | : | 14 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |


*lokal*

# ‘SAYA TIADA NAMA’

## *Umum diminta beri nama kepada anak tapir jantan*



ANAK tapir jantan yang baru dilahirkan di dalam kurungan semalam..


**Mohd Jamilul Anbia Md Denin**
am@hmetro.com.my




**Kuala Lumpur**

Peluang terbuka kepada orang ramai untuk memberi nama istimewa dan menarik kepada seekor anak tapir jantan yang baru dilahirkan, semalam.

Anak tapir seberat lapan kilogram (kg) itu dilahirkan di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor pada jam 8.30 pagi.

Jurucakap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berkata, anak tapir itu dilahirkan di pusat konservasi berkenaan dengan diuruskan pegawai dan kakitangan Perhilitan terlatih.

Menurutnya, anak tapir itu adalah hasil persenyawaan seekor tapir betina dewasa bernama Bera dan seekor tapir jantan bernama Gadek.

“Hasil pemerhatian selepas dilahirkan dalam tempoh 24 jam mendapati anak tapir itu didapati dalam keadaan sihat, ceria dan aktif.

**Anak tapir hasil persenyawaan Bera dan Gadek**

“Kakitangan Perhilitan sebelum ini mengesahkan kandungan tapir betina bernama Bera berusia antara sembilan hingga 10 bulan kelmarin (Rabu).

“Berikutan anak tapir ini masih belum diberikan nama khusus, orang ramai dipelawa untuk memberi nama sesuai dan menarik,” katanya.

Spesies tapir atau tenuk Malaysia (Tapirus indicus) adalah spesies tapir terbesar di dunia.

Musim mengawan tapir pada April hingga Jun dengan tempoh kehamilan tapir Malaysia ialah 390 hari hingga 403 hari.